

LEGENDA, KETAKSAMAAN GENDER DAN POLITIK WARISAN DI MALAYSIA DALAM KISAH MAHSURI SEBAGAI SASTERA RAKYAT YANG HIDUP

(Legend, Gender Inequalities and the Politics of Heritage in Malaysia in the Mahsuri Narrative as Living Folk Literature)

Mohd Jailani Ibrahim
jailani5331@gmail.com

H-G-I Pangsapuri Seri Tulip, Jalan Tulip, Seksyen BS 2, Bukit Sentosa, 48300 Rawang, Selangor, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohd Jailani Ibrahim. (2026). Legenda, ketaksamaan gender dan politik warisan di Malaysia dalam kisah Mahsuri sebagai sastra rakyat yang hidup. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(1), 1–30. [https://doi.org.10.37052/jm.19\(1\)no1](https://doi.org.10.37052/jm.19(1)no1)

Peroleh: <i>Received:</i>	25/11/2025	Semakan: <i>Revised:</i>	4/12/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	5/1/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	31/1/2026
------------------------------	------------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (This article has undergone a double blind peer-review process)

Abstrak

Kisah Mahsuri merupakan salah satu legenda terpenting dalam sastra rakyat Kedah yang berakar daripada tradisi lisan Langkawi. Walaupun sering ditanggap sebagai cerita moral mengenai fitnah, kesucian dan sumpahan, naratif ini telah melalui proses perubahan yang menjadikannya sebahagian daripada wacana budaya dan warisan negara moden. Permasalahan utama kajian ini ialah kecenderungan penyelidikan terdahulu yang mengekalkan pembacaan deskriptif terhadap Mahsuri tanpa menelusuri peranan legenda ini dalam pembentukan identiti, pelaksanaan warisan, serta kedudukan wanita dalam kerangka kuasa pascakolonial. Objektif kajian ini adalah untuk menilai transformasi Mahsuri daripada tradisi lisan kepada naratif negara, meneliti peranan tubuh wanita dalam pembentukan ingatan budaya, serta menganalisis fungsi institusi warisan dalam memaknai semula legenda ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi analisis kepustakaan kritikal terhadap teks sastra rakyat, sumber kolonial dan penulisan akademik, serta pemerhatian lapangan di Kota Mahsuri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa legenda Mahsuri telah diinstitusikan melalui tapak warisan, dimanfaatkan dalam industri pelancongan, dan disusun semula mengikut keperluan politik budaya negara. Selain itu, naratif penderitaan Mahsuri memperlihatkan pengukuhan peranan wanita sebagai simbol moral dan identiti, namun terus membataskan suara wanita dalam struktur sosial dan warisan. Kajian ini menyumbang kepada pengayaan

analisis sastra rakyat Melayu dengan menekankan kepentingan pembacaan kritikal terhadap hubungan antara memori, warisan, gender dan kuasa dalam konteks Malaysia pascakolonial.

Kata kunci: Mahsuri, sastra rakyat, legenda, representasi wanita, warisan budaya, kuasa pascakolonial

Abstract

The legend of Mahsuri is one of the most prominent narratives in Kedah's folk literature, originating from Langkawi's oral tradition and later transformed into various written and cultural forms. Although commonly interpreted as a moral tale centred on slander, purity, and a generational curse, the narrative has undergone significant transformation that positions it within Malaysia's modern cultural and heritage discourse. The main problem addressed in this study is the tendency of previous scholarship to approach Mahsuri descriptively without examining its role in identity formation, heritage institutionalisation, and the positioning of women within postcolonial structures of power. The objectives of this study are to analyse the transformation of Mahsuri from oral tradition to state narrative, to examine the symbolic positioning of the female body in the construction of cultural memory, and to assess how heritage institutions reinterpret the legend in contemporary Malaysia. This study employs qualitative methods combining critical textual analysis of folk literature, colonial sources, and academic writings, together with field observations conducted at Kota Mahsuri. The findings show that the legend has been institutionalised through heritage sites, incorporated into tourism practices, and reframed to serve cultural and political interests of the modern state. While the narrative further reinforces the symbolic role of women as moral and cultural markers, it continues to limit women's voices within social and heritage structures. This study contributes to the enrichment of Malay folk literature studies by emphasising the importance of critical readings that examine the interconnections between memory, heritage, gender, and power within Malaysia's postcolonial context.

Keywords: Mahsuri, folk literature, legend, women's representation, cultural heritage, postcolonial power

PENDAHULUAN

Sastra rakyat dalam tradisi Melayu sering difahami sebagai khazanah naratif yang lahir daripada masyarakat dan diwarisi melalui lisan. Mengikut definisi konvensional, sastra rakyat merangkumi cerita mitos, legenda, dongeng, cerita jenaka, teka-teki, pantun dan peribahasa, yang disampaikan secara turun-temurun tanpa penulis individu yang dikenali. Sastra rakyat ini berfungsi sebagai wahana hiburan, pendidikan moral dan pengikat identiti kolektif dalam komuniti agraria dan maritim Melayu (Harun *et. al.*, 2000; Muhammad, 2000). William R. Bascom (1954) pula menggariskan empat fungsi utama *folklore*, iaitu sebagai sistem hiburan, pengesahan nilai budaya, pendidikan masyarakat dan mekanisme sosial yang mengawal perilaku.

Dalam kerangka inilah kisah Mahsuri dari Langkawi ditempatkan sebagai antara legenda paling berpengaruh dalam tradisi sastra rakyat Kedah, dan lebih luas lagi dalam imaginasi budaya Melayu (Zakaria, 2020).

Kepentingan mengkaji legenda Mahsuri kini semakin jelas kerana naratif ini bukan sahaja bertahan sebagai cerita lisan, tetapi terus memberikan pengaruh mendalam terhadap pembentukan identiti, gender dan warisan dalam masyarakat Melayu. Legenda Mahsuri digunakan untuk menstrukturkan makna kesucian, kehormatan, pengkhianatan, penderitaan dan pemulihan kolektif, menjadikannya medan wacana budaya yang tetap hidup dalam persekitaran moden. Dalam konteks kontemporari, Mahsuri terus digunakan dalam pelancongan, pendidikan budaya, sejarah popular, pembentukan imej negeri dan pembinaan naratif nasional pascakolonial. Oleh itu, legenda ini mempunyai relevansi yang berterusan dalam memahami hubungan antara memori budaya, kuasa dan makna dalam masyarakat. Dalam konteks inilah muncul keperluan membaca Mahsuri bukan sekadar sebagai kisah moral, tetapi sebagai teks dinamik yang mengalami transformasi sejarah dan institusi. Naratif Mahsuri telah bergerak daripada bentuk lisan kepada teks negara, lalu dimanfaatkan untuk tujuan politik, pelancongan dan pembentukan identiti nasional (Samsudin & Mohamad, 2013). Konsep *living folklore* yang dibincangkan Sims & Stephens (2011) amat berguna untuk memahami sifat mobil legenda ini kerana Mahsuri tidak pernah membeku, sebaliknya sentiasa ditafsir dan dihidupkan kembali sesuai dengan keperluan sosial yang berubah. Dalam konteks Malaysia moden, legenda ini dimonumenkan melalui makam Mahsuri, didramatisasikan dalam teater dan filem, serta dikomodifikasi dalam industri pelancongan Langkawi. Perkembangan ini semakin pesat selepas 1987 apabila Langkawi diangkat sebagai destinasi pelancongan bebas cukai (Ibrahim & Ahmad, 2011). Transformasi ini menunjukkan kaitan rapat legenda rakyat dengan politik warisan seperti diuraikan Harrison (2010), iaitu proses peralihan naratif komuniti kepada naratif negara yang memanfaatkan warisan sebagai aset ekonomi dan identiti nasional.

Naratif Mahsuri sebagai sastra rakyat turut membuka ruang analisis terhadap lapisan kuasa pascakolonial. Pada peringkat awal, legenda ini berfungsi sebagai ingatan kolektif masyarakat Langkawi tentang ketidakadilan sosial dan fitnah. Namun apabila naratif tersebut diambil oleh institusi negara dan negeri, legenda ini direkonstruksi sebagai kisah penderitaan dan sumpahan tujuh keturunan yang akhirnya dikatakan berakhir dengan kemunculan Langkawi sebagai destinasi moden (Md Isa, 2022). Transformasi ini selaras dengan konsep *lieux de mémoire* oleh Pierre Nora (1989), di mana tapak fizikal seperti makam Mahsuri dan muzium berfungsi sebagai medan perundingan makna antara negara dan masyarakat.



Rajah 1 Persembahan Muzik Asli di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

Selain itu, legenda Mahsuri memperlihatkan persoalan ketaksamaan gender melalui konsep *gendered memory* (Neubauer & Geyer-Ryan, 2021). Tubuh Mahsuri yang digambarkan sebagai wanita suci tetapi teraniaya menjadi *locus* simbolik bagi mengatur makna kesucian, kehormatan dan pengkhianatan dalam masyarakat patriarki. Dalam wacana pascakolonial pula imej Mahsuri terus dimanfaatkan sebagai ikon pelancongan, lambang penderitaan kolektif dan naratif kebangsaan yang menonjolkan wanita sebagai simbol tetapi tidak memberikan ruang kepada suara sebenar (Ibrahim & Ahmad, 2011). Hal ini menunjukkan bahawa sastera rakyat Melayu sarat dengan hierarki gender yang diteruskan dalam bentuk baharu melalui institusi moden. Persoalan warisan turut menjadi komponen penting dalam memahami perkembangan legenda Mahsuri. Sastera rakyat yang pada asalnya milik komuniti, kini diambil alih oleh negara dan negeri, dipasarkan sebagai komoditi pelancongan dan dimasukkan dalam naratif pembangunan kebangsaan. Situasi ini menimbulkan persoalan kritikal tentang kedudukan sastera rakyat dalam wacana warisan moden, iaitu Adakah Mahsuri masih milik komuniti Langkawi atau sudah menjadi simbol negara? Penstrukturan semula naratif melalui institusi pelancongan menimbulkan



Rajah 2 Galeri di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

ketegangan antara memori rakyat dan naratif negara yang memanfaatkan warisan untuk legitimasi politik dan ekonomi.

Dalam konteks ini, perhatian ditumpukan kepada tiga sumbangan utama. Pertama, kajian ini berusaha membaca legenda Mahsuri sebagai sastra rakyat yang hidup dengan meneliti transformasinya daripada tradisi lisan kepada naratif pascakolonial. Kedua, analisis ini meneliti pembentukan makna gender melalui tubuh Mahsuri sebagai pusat representasi kesucian dan penderitaan dalam budaya patriarki serta dalam institusi negara. Ketiga, kajian ini menilai Mahsuri sebagai tapak warisan yang dipengaruhi hubungan antara kuasa, memori dan pelancongan moden. Dengan pendekatan ini, makalah ini menghujahkan bahawa Mahsuri bukan sahaja legenda tempatan tetapi juga teks sejagat yang menunjukkan hubungan antara warisan Melayu dengan teori memori, gender dan pascakolonial yang lebih luas. Makalah ini seterusnya memperlihatkan bahawa sastra rakyat bukan sekadar naratif turun-temurun, tetapi medan tafsiran yang sentiasa bergerak mengikut logik kuasa. Penelitian terhadap Mahsuri membuka ruang pembacaan kritikal yang menghubungkan warisan tempatan dengan wacana akademik antarabangsa mengenai memori budaya, struktur gender dan pembinaan identiti pascakolonial.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap sastra rakyat Melayu sering memfokuskan kepada kepelbagaian bentuk naratif seperti mitos, legenda, cerita jenaka, dongeng, pantun, dan teka-teki yang diwarisi melalui tradisi lisan. Sarjana seperti Harun Mat Piah (1989) dan Siti Hawa Salleh (2010) menekankan fungsi sastra rakyat sebagai cermin mentaliti dan struktur sosial masyarakat Melayu tradisional. Namun, sorotan bersifat umum ini tidak memadai untuk memahami Mahsuri secara kritikal kerana kajian tersebut tidak menjelaskan bagaimana sebuah legenda tertentu digunakan, ditafsir, dan disusun semula oleh pelbagai struktur kuasa. Dalam konteks kajian Mahsuri, pengulangan tentang fungsi normatif sastra rakyat tidak membantu menjelaskan transformasi legenda ini daripada teks lisan komuniti Langkawi kepada teks negara pascakolonial. Oleh itu, kajian ini perlu memfokuskan lebih spesifik kepada Mahsuri sebagai fenomena legenda yang mempunyai sejarah transformasi wacana yang lebih kompleks berbanding legenda rakyat lain.

Kajian terdahulu tentang Mahsuri, seperti Osman (2018), memberikan gambaran asas bahawa Mahsuri digambarkan sebagai wanita suci yang menjadi korban fitnah, dengan darah putih sebagai bukti ketidakbersalahannya. Naratif ini memenuhi ciri legenda rakyat yang menggabungkan unsur moral, supranatural, dan kosmologi kolektif. Namun, Osman tidak mengembangkan analisis terhadap bagaimana naratif ini dibentuk oleh struktur kuasa kolonial atau negara. Kajian Osman penting sebagai asas bahan teks, tetapi kekurangannya ialah kajian tersebut tidak menanyakan persoalan kritikal tentang bagaimana Mahsuri direpresentasikan semula dalam konteks moden. Begitu juga, walaupun Bauman & Briggs (1990) mengemukakan konsep *living folklore* yang melihat *folklore* sebagai wacana yang bergerak dan berubah, tiada kajian tempatan yang menerapkan teori ini secara mendalam terhadap Mahsuri. Kekosongan inilah yang ingin diisi oleh kajian ini, iaitu membaca Mahsuri bukan sahaja sebagai legenda, tetapi sebagai wacana yang hidup dan dimanipulasi oleh kuasa.

Kajian budaya dan pelancongan pula, seperti Razak & Ibrahim (2017), menyebut bagaimana legenda Mahsuri memperkukuh identiti tempatan, tetapi analisis mereka bersifat deskriptif dan tidak meneliti bagaimana legenda ini digunakan oleh negara sebagai instrumen ekonomi atau politik. Kajian-kajian ini menyokong pemerhatian bahawa Mahsuri telah dikomodifikasi, tetapi tidak menjelaskan bagaimana komodifikasi tersebut menggantikan memori rakyat dengan naratif negara. Sementara itu, konsep *lieux de mémoire* oleh Nora (1989) menyediakan kerangka penting untuk menilai bagaimana makam dan muzium Mahsuri diinstitusikan sebagai tapak ingatan negara. Namun, belum ada analisis yang menggabungkan kerangka Nora dengan

bukti empirikal tentang cara Malaysia memonumenkan Mahsuri sebagai warisan negara. Kajian lapangan 2025 menunjukkan bagaimana naratif pelancongan di Kota Mahsuri telah menetapkan interpretasi “rasmi” legenda ini, dan hal ini menyokong hujahan artikel ini bahawa Mahsuri bergerak daripada memori komuniti kepada ingatan negara.

Kajian gender pula membuka ruang pembacaan lebih kritikal. Butler (1990) menegaskan bahawa tubuh wanita sering dijadikan tapak representasi moral dalam masyarakat patriarki. Kajian setempat yang menyentuh soal wanita dalam masyarakat Melayu tradisional (Hamdan & Radzi, 2014) telah mengemukakan bahawa tubuh wanita diikat dengan makna maruah dan kehormatan kolektif. Namun, kajian tersebut tidak menghubungkan mekanisme patriarki ini dengan naratif Mahsuri secara langsung. Kekosongan kritikal ini penting kerana legenda Mahsuri bukan sekadar kisah fitnah, tetapi kisah di mana tubuh seorang wanita dijadikan medan pengurusan moral, politik dan kini ekonomi pelancongan. Kajian ini memperluas wacana gender dengan menunjukkan bagaimana tubuh Mahsuri dipersembahkan dan dieksploitasi berulang kali, daripada fitnah zina kepada ikon pelancongan, tanpa memberikan ruang kepada suara wanita itu sendiri.

Dalam konteks serantau, kajian perbandingan legenda wanita seperti Puteri Gunung Ledang (Osman & Jalaluddin, 2018) dan Cik Siti Wan Kembang (Yaacob, 2021) menekankan fungsi simbolik wanita sebagai lambang identiti negeri. Namun, legenda-legenda ini tidak menampilkan sumpahan kosmologi yang membawa beban kolektif seperti kes Mahsuri. Kekosongan yang belum diterokai dalam kajian terdahulu adalah bagaimana sumpahan Mahsuri dimanfaatkan oleh negara untuk membentuk naratif pembangunan Langkawi sebagai “penebusan” terhadap penderitaan silam. Di sinilah karya MacCannell (2013) tentang *staged authenticity* menjadi kritikal kerana karya tersebut menerangkan bagaimana naratif “keaslian” dipentaskan semula dalam bentuk komoditi pelancongan. Mahsuri ialah contoh paling jelas bagaimana *folklore* tempatan dipersembahkan semula bukan untuk komuniti tetapi untuk logik pasaran global.

Terdapat juga kelompongan besar dalam kajian sastera rakyat Melayu apabila kebanyakan analisis hanya berhenti pada fungsi moral atau estetika tanpa meneliti bagaimana naratif rakyat digunakan oleh kuasa kolonial dan pascakolonial. Burton (2003) dan Chakrabarty (2000) menegaskan bahawa kajian pascakolonial perlu membuka ruang kepada suara yang disenyapkan dalam teks. Namun, kajian terhadap Mahsuri masih belum membaca legenda ini sebagai wacana pascakolonial yang menghubungkan kuasa kolonial, negara, gender dan pelancongan. Artikel ini mengisi jurang tersebut dengan memanfaatkan kerangka pascakolonial untuk menyingkap bagaimana legenda rakyat digunakan untuk legitimasi negara moden dan pembinaan ekonomi pelancongan.



Rajah 3 Makam Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

Secara keseluruhan, sorotan kajian ini menunjukkan empat perkara utama. Pertama, kajian terdahulu mengenai Mahsuri masih terperangkap dalam deskripsi *folkloristik* dan tidak mengembangkan pembacaan kritikal terhadap kuasa. Kedua, tiada kajian yang meneliti Mahsuri sebagai *living folklore* yang direkontekstualisasi oleh struktur kolonial, negara dan pelancongan moden. Ketiga, analisis gender terhadap Mahsuri masih dangkal dan tidak menghubungkan tubuh wanita dengan ideologi patriarki negara. Keempat, kajian terdahulu tidak menghubungkan peranan Mahsuri dengan politik warisan atau nasionalisme budaya. Oleh itu, artikel ini mengisi jurang pengetahuan tersebut dengan mengemukakan pembacaan yang

menggabungkan teori feminis, pascakolonial dan warisan untuk menunjukkan bahawa Mahsuri ialah teks kuasa yang terus hidup dalam pergelutan antara memori rakyat, naratif negara dan komodifikasi global.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menumpukan analisis semula sastera rakyat sebagai medan kuasa yang dibentuk oleh konteks kolonial, pascakolonial dan global. Selaras dengan tujuan kajian, tiga objektif utama ditetapkan iaitu: pertama, meneliti transformasi legenda Mahsuri daripada tradisi lisan kepada naratif negara dan pelancongan; kedua, menganalisis bagaimana tubuh dan imej Mahsuri berfungsi sebagai wacana gender dalam masyarakat Melayu; dan ketiga, menilai bagaimana tapak warisan seperti makam dan muzium menginstitusikan naratif tersebut melalui proses representasi dan kuratorial. Bagi mencapai objektif pertama, kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks digunakan untuk menghimpun, menilai dan membandingkan sumber bertulis. Kaedah ini melibatkan penelahan terhadap karya sastera rakyat Melayu, catatan dan rekod kolonial, penulisan ilmiah tempatan dan antarabangsa, serta bahan budaya popular seperti filem, novel, dan brosur pelancongan. Analisis teks dilakukan dengan menggunakan kerangka teoritis Bascom, Nora, Butler, Spivak, Said dan Chatterjee secara aplikasi yang lebih sistematik. Bascom digunakan untuk menilai fungsi folklor peringkat lisan, Nora bagi memahami pembentukan tapak ingatan, Butler dan Spivak untuk menganalisis wacana gender dan suara subaltern, manakala MacCannell membantu meneliti logik keaslian yang dipentaskan dalam pelancongan. Dengan membandingkan pelbagai bentuk representasi, kaedah ini membolehkan penyelidik menjejak perubahan naratif Mahsuri mengikut konteks sosial, politik dan epistemologi.

Bagi mencapai objektif kedua dan ketiga, kaedah pemerhatian lapangan kritikal dilaksanakan di Makam Mahsuri dan Kota Mahsuri pada tahun 2025. Pemerhatian dilakukan dalam tiga sesi berasingan melibatkan tempoh dua hingga tiga jam bagi setiap sesi. Data yang dikumpulkan merangkumi nota lapangan, dokumentasi visual terhadap susunan pameran, teks kuratorial, panel maklumat, paparan visual tentang tubuh Mahsuri, serta ritual pelancongan seperti persembahan budaya dan aliran pergerakan pelawat. Fokus pemerhatian tertumpu kepada cara naratif Mahsuri dipentaskan dalam ruang warisan, termasuk sumpahan tujuh keturunan yang ditafsirkan dan disesuaikan dengan retorik pembangunan negara moden.

Pemerhatian juga menilai representasi tubuh wanita yang digunakan untuk membentuk nilai kesucian, tragedi dan identiti budaya, sejajar dengan konsep ingatan jantina yang dibincangkan dalam teori feminis pascakolonial. Kaedah pemerhatian dipilih tanpa temu bual kerana sifat kajian ini ialah analisis representasi dan wacana,



Rajah 4 Makam Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

bukan kajian persepsi komuniti. Data yang diperlukan bersifat visual, *spatial* dan *kuratorial*, iaitu data yang dapat diperoleh sepenuhnya melalui pemerhatian langsung tanpa melibatkan pendapat informan. Pendekatan ini selaras dengan amalan penyelidikan warisan kritikal yang memberikan tumpuan kepada cara institusi mengatur, menstrukturkan dan mempamerkan warisan, bukannya kepada pengalaman atau tafsiran individu terhadap legenda tersebut. Pemerhatian lapangan dilaksanakan secara sistematik untuk menilai naratif rakyat yang diinstitusikan semula melalui reka bentuk pameran, naratif teks, susunan ruang dan simbol visual. Keseluruhan metodologi ini bersifat interdisiplin, menggabungkan kajian sastera rakyat, analisis budaya, kajian warisan, serta teori pascakolonial. Gabungan kaedah ini memastikan bahawa setiap objektif kajian dapat dicapai dengan jelas dan terarah. Kajian kepustakaan menjadi asas teoritis dan sejarah bagi memahami transformasi legenda, manakala pemerhatian lapangan memberikan data empirikal tentang Mahsuri yang dibentuk sebagai tapak ingatan dan komoditi pelancongan dalam wacana negara moden. Melalui pendekatan ini, kajian bukan sahaja dapat menilai Mahsuri sebagai teks *folkloristik*, tetapi juga sebagai wacana kuasa yang hidup dalam masyarakat Malaysia pascakolonial.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Mahsuri sebagai Sastra Rakyat Kedah: Fungsi dan Tradisi Lisan

Dalam sastra Melayu, sastra rakyat sering ditakrifkan sebagai karya anonim yang lahir daripada masyarakat, diturunkan secara lisan, dan berfungsi untuk memelihara, menghibur, serta mengatur kehidupan kolektif (Ali & Rahman, 2014). Dalam konteks ini, kisah Mahsuri dari Langkawi merupakan contoh paling jelas sebuah legenda rakyat Kedah bukan sahaja memenuhi fungsi tersebut, tetapi turut melampaui batasannya apabila kisah ini memasuki wacana kuasa kolonial, negara pascakolonial, dan ekonomi pelancongan.

Sebagai legenda, Mahsuri memiliki semua ciri utama sastra rakyat: unsur supranatural (darah putih), konflik moral (fitnah dan pengkhianatan), dan sumpahan (tujuh keturunan) yang berfungsi sebagai penjelasan kosmologi terhadap penderitaan kolektif masyarakat Langkawi (Osman, 2018). Cerita ini hidup dalam tradisi lisan selama berabad-abad, diceritakan dari generasi ke generasi sebagai bentuk *oral history* masyarakat tempatan (Kajian Lapangan, 2025). Fungsi moralnya jelas: memberikan amaran tentang bahaya fitnah, menegaskan nilai kesucian wanita, dan menjadikan sumpahan sebagai bentuk “keadilan kosmik” terhadap ketidakadilan duniawi. Pada tahap ini, Mahsuri masih berfungsi dalam kerangka yang dijelaskan oleh Bascom (1954), iaitu sebagai alat pedagogi dan pengawalan sosial dalam komuniti Melayu Kedah di Langkawi. Namun, analisis kritikal terhadap Mahsuri sebagai sastra rakyat mesti melangkaui fungsi normatif itu. Ahli sarjana Melayu seperti Harun Mat Piah (1989) dan Siti Hawa Salleh (2010) sering menekankan sastra rakyat sebagai refleksi budaya atau mentaliti masyarakat, tetapi analisis sebegini cenderung bersifat deskriptif, tidak menyoal tentang perubahan status sebuah teks rakyat daripada cerita lisan komuniti kepada simbol negara moden. Di sinilah Mahsuri membuka ruang *novelty* yang memperlihatkan sastra rakyat boleh dianalisis sebagai teks kuasa yang sentiasa dimanipulasikan, ditafsir dan dijadikan instrumen politik identiti.

Kekuatan Mahsuri sebagai sastra rakyat Kedah ialah kedudukannya sebagai *narrative of suffering* (Aaltola, 2019). Berdasarkan kajian subaltern studies (Spivak, 1988), naratif tentang penderitaan sering menjadi tapak di mana suara yang ditindas diangkat, tetapi pada masa yang sama disenyapkan oleh struktur kuasa dominan. Mahsuri ialah seorang wanita yang menjadi korban fitnah, tetapi suaranya hanya hadir melalui pengulangan cerita lisan komuniti, bukan melalui penulisan rasmi. Hal ini membezakan Mahsuri daripada teks istana seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* atau *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang bersifat legitimasi kuasa raja (Dato’ Kerani Mohd. Arshad, 1968; Siti Hawa Salleh, 1998). Mahsuri ialah teks rakyat, milik komuniti bawah, yang kemudiannya diambil dan dimasukkan ke dalam



Rajah 5 Persembahan Silat Kedah di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

wacana negara. Maka, Mahsuri berfungsi sebagai jambatan kritikal untuk melihat pertembungan antara “sastera rakyat” dengan “sastera istana” dalam historiografi Melayu.

Lebih penting, Mahsuri menyingkap dinamika gender dalam sastera rakyat. Jika pantun, teka-teki, atau cerita jenaka sering memaparkan nilai kolektif, Mahsuri pula menekankan tubuh wanita sebagai *locus* makna budaya. Seperti diujahkan oleh Butler (1990), tubuh wanita dalam naratif masyarakat patriarki berfungsi sebagai medan representasi moral dan politik. Kisah Mahsuri, yang memusatkan fitnah zina dan darah putih, merupakan manifestasi tubuh wanita yang dijadikan simbol kesucian, kehormatan dan pengkhianatan. Dengan demikian, sastera rakyat tidak neutral, kisahnya sarat dengan ideologi gender yang mereproduksi dominasi patriarki. *Novelty* di sini adalah dengan membaca Mahsuri bukan hanya sebagai kisah moral, tetapi sebagai teks *gendered memory* yang mengatur semula kedudukan wanita dalam imaginasi masyarakat Melayu.

Selain fungsi moral dan gender, Mahsuri sebagai sastera rakyat juga mengandungi fungsi kosmologi. Sumpahan tujuh keturunan ditafsirkan oleh masyarakat sebagai penjelasan terhadap kemunduran Langkawi dalam tempoh sejarah tertentu. Di sini, legenda berfungsi sebagai sesuatu yang disebut Geertz (1973) sebagai *cultural*



Rajah 6 Kampung Kedah di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

system, iaitu cara komuniti menstrukturkan pengalaman sejarah melalui simbol dan naratif. Dengan sumpahan, kegagalan ekonomi atau serangan luar yang merujuk kepada Siam terhadap Langkawi, tidak dilihat semata-mata sebagai faktor politik, tetapi sebagai kesan kosmologi yang berkaitan dengan penderitaan Mahsuri (Ahmad, 1957: Kajian Lapangan, 2025). Inilah bukti bahawa sastra rakyat bukan sekadar hiburan, tetapi kerangka epistemologi masyarakat tradisional.

Oleh itu, apabila Mahsuri dipindahkan daripada ruang lisan kepada ruang institusi, iaitu muzium, makam, teks pelancongan, fungsinya dilihat berubah (Rahman, 2015). Mahsuri tidak lagi sekadar amaran moral komuniti, tetapi Mahsuri dipasarkan kepada pelancong dan dijadikan simbol identiti kebangsaan. Inilah yang menjadikan Mahsuri sebagai contoh klasik *living folklore*, iaitu legenda rakyat yang hidup, direkontekstualisasikan dan diberikan makna baharu sesuai dengan


logik kuasa dan pasaran. Oleh itu, mengkaji Mahsuri sebagai sastera rakyat bukan lagi soal menghimpun variasi ceritanya, tetapi menyoal; sebuah teks rakyat yang dipergunakan oleh siapa dan untuk tujuan apa?

Secara tuntasnya, Mahsuri sebagai sastera rakyat Kedah memperlihatkan tiga hal utama. Pertama, kisahnya memenuhi fungsi asas sastera rakyat sebagai hiburan, moral, kosmologi dan kawalan sosial. Kedua, Mahsuri menyingkap naratif rakyat yang boleh membawa dimensi kuasa, khususnya patriarki, kolonial dan negara. Ketiga, Mahsuri membuktikan bahawa sastera rakyat bukanlah naratif yang statik, tetapi teks hidup yang terus bergerak, ditafsir dan digunakan semula. Dengan analisis yang mendalam, Mahsuri tidak hanya terletak dalam domain *folkloristik* tempatan, tetapi juga dalam wacana akademik sejagat tentang memori, gender dan pascakolonialisme.

Transformasi Mahsuri sebagai *Living Folklore*

Konsep *living folklore* yang diperkenalkan oleh Bauman & Briggs (1990) menolak pandangan bahawa *folklore* hanyalah naratif statik yang disenyapkan dalam tradisi lisan. Sebaliknya, *folklore* dilihat sebagai wacana yang sentiasa bergerak, berinteraksi dengan konteks sosial, dan ditafsirkan semula mengikut keperluan zaman. Dalam kerangka ini, kisah Mahsuri jelas menggambarkan sifat *living folklore* kerana Mahsuri tidak hanya kekal sebagai cerita lisan komuniti Langkawi, tetapi telah bertransformasi menjadi naratif dalam pelbagai medium, iaitu dari tradisi oral ke penulisan kolonial, ke teater moden, filem dan novel popular, hinggalah ke naratif pelancongan di Malaysia pada masa ini (Samsudin & Mohamad, 2013; Nur Afifah Vanitha Abdullah, Siti Nur Izra Safra' Abd Halim & Fatimah Muhd Shukri, 2024).

Pada peringkat asal, Mahsuri hidup dalam bentuk *oral tradition*, diceritakan dari generasi ke generasi oleh penduduk Langkawi sebagai kisah moral dan kosmologi (Kajian Lapangan, 2025). Fungsi awalnya, sebagaimana dihuraikan dalam subtopik terdahulu, adalah memberikan amaran tentang bahaya fitnah dan menjustifikasikan penderitaan kolektif melalui sumpahan tujuh keturunan. Namun, apabila Tanah Melayu termasuk Langkawi disentuh dalam wacana kolonial, naratif sastera Melayu tidak secara langsung dicatatkan dalam sumber orientalis. Orientalis barat seperti Skeat (1900), Wilkinson (1932) dan Winstedt (1940) (1948) yang menyelusuri sastera Melayu dilihat menonjolkan cerita rakyat Melayu secara deskriptif, menekankan unsur eksotik dan romantis sebagai sebahagian daripada “keunikan tempatan”. Walaupun Mahsuri terlepas daripada perhatian mereka, kerangka kolonial tetap memperlakukan *folklore* sebagai bukti etnografi bagi menyokong wacana imperial. Dari sudut ini, Mahsuri boleh dibaca sebagai contoh naratif rakyat berpotensi beralih daripada teks komuniti kepada tafsiran luar yang berorientasi kolonial, meskipun melalui pendekatan yang lebih umum terhadap *folklore* Melayu.



Rajah 7 Visual Mahsuri di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

Era pascakolonial atau selepas kemerdekaan memperlihatkan transformasi yang lebih dramatik. Sejak tahun 1987 apabila Kerajaan Malaysia mengisytiharkan Langkawi sebagai pulau bebas cukai, naratif Mahsuri dimobilisasikan sebagai salah satu aset utama dalam projek pelancongan negara. Makam Mahsuri dijadikan tapak warisan, muzium dibangunkan, dan kisahnya dipasarkan melalui brosur, dokumentari, serta acara kebudayaan (Ibrahim & Ahmad, 2011). Di sini, Mahsuri berfungsi sebagai *lieu de mémoire* (Nora, 1989) yang dilihat sebagai sebuah “tapak ingatan” yang bukan sahaja menyimpan memori rakyat, tetapi juga menjadikan naratif negara tentang penderitaan, sumpahan dan kebangkitan moden. Sesuatu yang menarik ialah sumpahan tujuh keturunan dibaca semula oleh naratif negara; sumpahan itu dikatakan tamat pada era moden, menandakan kelahiran semula Langkawi sebagai pulau maju dan moden di bawah projek pembangunan negara. Naratif asal yang berpusat pada penderitaan rakyat kini direkontekstualisasi menjadi naratif optimisme pembangunan.

Transformasi Mahsuri sebagai *living folklore* juga dapat dilihat dalam medium kesenian moden. Filem klasik “Legenda Mahsuri” (1959) arahan B. N. Rao, dilakonan oleh Nordin Ahmad dan Kasmah Booty dilihat memindahkan kisah

oral ke layar perak dengan memberikan penekanan dramatik terhadap kesucian Mahsuri dan kezaliman masyarakat. Filem itu sendiri merupakan tafsiran semula yang menyesuaikan legenda rakyat kepada bentuk hiburan komersial, sekali gus memperluas audiensnya ke peringkat nasional. Begitu juga pementasan teater dan penulisan popular, yang sering kali mengulang naratif fitnah dan sumpahan, tetapi dengan penekanan emosi yang sesuai untuk khalayak moden. Setiap adaptasi ini bukan sekadar “ulang cerita”, tetapi merupakan bentuk *recontextualisation* yang menegaskan sifat hidup Mahsuri sebagai *folklore* yang sentiasa bergerak (Md Isa, 2022; Ling, 2006).

Hal yang lebih kritikal ialah peralihan naratif Mahsuri ke dalam ruang pelancongan dan ekonomi pasaran. Seperti diuraikan oleh MacCannell (2013) dalam konsep *staged authenticity*, warisan sering dipentaskan semula dalam bentuk yang kelihatan sah untuk memenuhi kehendak pelancong. Mahsuri tidak terkecuali; makamnya diubah suai dengan binaan moden, kisahnya disampaikan dalam bahasa pemasaran, dan imejnya dijadikan ikon visual dalam poster pelancongan Langkawi. Proses ini menimbulkan ketegangan antara “ingatan komuniti” dengan “naratif negara”. Bagi masyarakat Langkawi, Mahsuri menjadi simbol penderitaan sejarah. Bagi negara, Mahsuri menjadi aset pelancongan yang boleh dipasarkan untuk menjana pendapatan. Peralihan makna ini memperlihatkan bagaimana *folklore* hidup tidak lagi milik komuniti semata-mata, tetapi telah menjadi sebahagian daripada ekonomi politik warisan.

Dimensi *living folklore* Mahsuri juga memperlihatkan pertembungan gender dan kuasa. Tubuh Mahsuri yang dahulu ditafsir dalam konteks moral masyarakat tradisional kini dijadikan komoditi visual. Gambar wajah Mahsuri dipamerkan dalam pameran, naratif tentang “wanita teraniaya” dijadikan daya tarikan eksotik, dan kisah darah putih serta sumpahan dijadikan bahan dramatik untuk menarik pelancong (Kajian Lapangan, 2025). Hal ini sejajar dengan pandangan Jayawardena (2016) yang menyimpulkan bahawa tubuh wanita sering dijadikan objek representasi dalam projek nasionalisme budaya pada era pascakolonial di seluruh dunia. Dengan kata lain, *folklore* yang hidup bukan sahaja bergerak dalam medium baharu, tetapi juga memikul beban makna baharu yang sarat dengan ideologi gender dan politik.

Transformasi Mahsuri turut memperlihatkan bahawa *folklore* berfungsi dalam projek pembinaan negara bangsa. Legenda rakyat yang asalnya berfungsi untuk komuniti kecil Langkawi kini diangkat sebagai simbol penderitaan nasional yang akhirnya ditebus oleh pembangunan moden. Hal ini memperlihatkan proses *appropriation folklore* oleh negara pascakolonial, sejajar dengan hujah Chatterjee (1993) bahawa negara pascakolonial sering mengambil elemen budaya tradisional untuk membina naratif kebangsaan, tetapi dalam bentuk yang sudah disusun



Rajah 8 Visual Mahsuri di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

semula mengikut logik politik negara moden. Dalam kes Mahsuri, sumpahan tujuh keturunan ditamatkan secara simbolik dengan pembangunan Langkawi sebagai pusat pelancongan antarabangsa, naratif penderitaan rakyat ditransformasi menjadi naratif kejayaan negara (Irwana Omar, Ghapar Othman & Mohamed, 2014). Transformasi Mahsuri sebagai *living folklore* dengan itu bukan sekadar proses adaptasi estetika, tetapi mencerminkan pertembungan tiga tahap kuasa: komuniti, kolonial dan negara. Setiap tahap menghasilkan tafsiran baharu terhadap Mahsuri, iaitu daripada kisah penderitaan moral kepada catatan eksotik kolonial, dan komoditi pelancongan moden. Inilah bukti bahawa sastera rakyat tidak pernah disenyapkan, kisahnya kekal hidup dan sentiasa dinegosiasikan, ditafsir, serta dipergunakan untuk tujuan yang berbeza mengikut konteks sejarah.

Ketaksamaan Gender dan Tubuh Wanita dalam Legenda Mahsuri

Kisah Mahsuri secara asasnya tidak boleh dipisahkan daripada persoalan tubuh wanita dan makna gender dalam masyarakat Melayu tradisional. Jika diteliti, seluruh naratif legenda ini bergantung pada tubuh Mahsuri sebagai *locus* makna; tubuh yang dituduh berzina, tubuh yang dihukum bunuh, dan tubuh yang mengeluarkan darah putih sebagai bukti kesucian. Tubuh itu bukan sahaja berfungsi sebagai medium dramatik dalam cerita rakyat, tetapi juga sebagai medan ideologi yang menstrukturkan pemahaman masyarakat tentang kehormatan, kesucian, dan pengkhianatan. Dengan kata lain, legenda Mahsuri merupakan sebuah naratif *gendered memory* yang mengikat identiti masyarakat melalui pengorbanan seorang wanita (Osman, 2018).

Dalam tradisi patriarki Melayu, kesucian wanita sering dikaitkan dengan maruah keluarga dan komuniti (Hamdan & Radzi, 2014). Tuduhan zina terhadap Mahsuri, walaupun palsu, membawa akibat kolektif yang besar; bukan sahaja hukuman mati terhadap dirinya, tetapi juga sumpahan tujuh keturunan yang membebani seluruh Langkawi. Hal ini menunjukkan bahawa tubuh wanita dalam sastera rakyat tidak pernah neutral; tubuh wanita berfungsi sebagai alat kawalan sosial yang moraliti individu tersebut disepadukan dengan kesejahteraan kolektif. Seperti dinyatakan sebelumnya, Butler (1990) dilihat telah berhujah bahawa tubuh wanita dan sistem reproduksi mereka sering menjadi tapak representasi kuasa, iaitu kesucian atau dosa seorang wanita digunakan untuk mengatur wacana moral masyarakat. Dalam konteks Mahsuri, fitnah terhadap tubuhnya bukan sekadar isu peribadi, tetapi dipolitikkan sebagai beban sejarah sebuah komuniti.

Dimensi gender ini semakin jelas apabila legenda Mahsuri dipindahkan ke ruang institusi negara dan pelancongan. Tubuh Mahsuri dipamerkan bukan dalam bentuk fizikal, tetapi melalui representasi gambar wajah, patung, mural, filem dan naratif muzium. Tubuh ini dijadikan ikon untuk menarik pelancong, dipromosikan sebagai “wanita yang difitnah tetapi suci”, lalu dijadikan komoditi visual yang boleh *dikonsumsikan*. Proses ini menunjukkan bahawa wanita menjadi simbol yang dimanipulasikan dalam logik ekonomi dan politik. Sastera rakyat yang asalnya menekankan penderitaan, kini ditafsir semula sebagai naratif eksotik tentang kesucian wanita, sesuai dengan kehendak pelancongan dan nasionalisme budaya (Kajian Lapangan, 2025).

Persoalan gender dalam legenda Mahsuri juga menyingkap dimensi suara yang disenyapkan. Guha & Spivak (1988) melalui kritiknya tentang *subaltern* menegaskan bahawa wanita *subaltern* “tidak boleh bersuara” kerana suaranya sentiasa ditapis melalui struktur patriarki dan kolonial. Mahsuri dalam hal ini menjadi tokoh *subaltern par excellence*. Beliau tidak pernah benar-benar bersuara dalam legenda. Cerita tentang dirinya sentiasa dikisahkan oleh orang lain, misalnya oleh komuniti



Rajah 9 Teratak Sri Tama di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

setempat, teks kolonial, filem atau muzium. Suaranya tidak hadir secara langsung, hanya tubuhnya yang dijadikan bukti; darah putih yang keluar ketika dihukum bunuh. Tubuh menggantikan suara, dan dengan itu penderitaan wanita diabadikan bukan melalui kata-katanya, tetapi melalui simbol yang ditafsirkan oleh pihak lain (Ibrahim & Ahmad, 2011).

Di sini, Mahsuri boleh dibaca sebagai representasi bagaimana memori gender diatur dalam budaya Melayu. Ingatan kolektif tentang Mahsuri bukan sekadar ingatan tentang seorang wanita, tetapi ingatan tentang moraliti masyarakat, fitnah sebagai ancaman sosial, dan sumpahan sebagai bentuk keadilan kosmik. Ingatan

gender ini dimanipulasikan dalam wacana negara moden, yang menjadikan tubuh Mahsuri digunakan untuk melambangkan penderitaan dan akhirnya ditebus oleh pembangunan. Tubuh wanita sekali lagi menjadi instrumen naratif negara, bukan sebagai subjek sejarah, tetapi sebagai simbol yang dipergunakan untuk legitimasi identiti nasional (Ling, 2006).

Lebih kritikal lagi ialah dimensi gender Mahsuri berinteraksi dengan pelancongan global. Dalam naratif rasmi, Mahsuri sering digambarkan sebagai “wanita yang baik peribadinya di Langkawi” dan menjadi korban fitnah (Kajian lapangan, 2025). Penekanan terhadap kecantikan, kesucian dan penderitaan ini bukan sahaja mengekalkan stereotaip patriarki, tetapi juga menyesuaikan legenda dengan fantasi pelancongan orientalis tentang wanita Timur sebagai pasif, eksotik dan tragis. Inilah yang digambarkan oleh Said (1978) sebagai orientalisme, iaitu naratif tentang Timur yang dibentuk untuk memenuhi imaginasi Barat. Mahsuri, dalam bentuk ini bukan sekadar legenda Melayu, tetapi juga komoditi global yang mengekalkan hegemoni gender dan kolonialisme simbolik.

Persoalan yang perlu digarisi di sini ialah peranan Mahsuri sebagai naratif kawalan gender. Dalam bentuk asalnya, cerita ini berfungsi untuk menegaskan bahawa batas peranan wanita dalam komuniti; wanita harus suci, setia dan tunduk. Jika tidak, penderitaan kolektif menimpa seluruh masyarakat. Dalam bentuk pascakolonialnya, naratif ini masih mengekalkan kawalan gender, tetapi kini dalam bentuk simbolik yang lebih kompleks; tubuh Mahsuri dipuja sebagai ikon kesucian, tetapi tetap dibungkam sebagai suara. Naratif itu terus dipasarkan dalam bentuk pelancongan, pendidikan budaya dan projek warisan. Dengan ini, Mahsuri bukan sahaja “hidup” sebagai *folklore*, tetapi hidup sebagai mekanisme kawalan gender yang diperbaharui untuk memenuhi kehendak negara dan pasaran global (Rahman, 2015).

Mahsuri sebagai Tapak Ingatan: Warisan, Kuasa dan Komodifikasi

Konsep *lieux de mémoire* oleh Nora (1989) menegaskan bahawa tapak ingatan wujud apabila memori hidup tidak lagi dipelihara secara organik dalam komuniti, tetapi dipelihara melalui institusi, monumen dan ritual negara. Dalam kerangka ini, Mahsuri dan makamnya di Langkawi jelas berfungsi sebagai tapak ingatan yang dimonumenkan di Malaysia selepas kemerdekaan negara. Naratif rakyat yang asalnya hidup melalui penceritaan lisan kini diletakkan dalam bentuk muzium, pameran dan ritual peringatan yang disusun oleh negara. Namun, apa yang menarik bukan sekadar transformasi legenda rakyat menjadi warisan rasmi, tetapi bagaimana proses ini sarat dengan politik kuasa, ekonomi pelancongan dan ideologi kebangsaan.

Makam Mahsuri yang pada mulanya hanyalah ruang lokal penghormatan rakyat Langkawi, berubah wajah pada 1960-an apabila Kerajaan Negeri Kedah mula

menginstitusikan tapak tersebut. Pada dekad 1980-an, perubahan ini menjadi lebih jelas apabila Langkawi diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai (1987), lalu Mahsuri diangkat sebagai ikon utama pelancongan (Ibrahim & Ahmad, 2011). Naratif sumpahan tujuh keturunan dimanipulasikan untuk menandakan bahawa Langkawi yang “dilanda sumpahan” kini telah “dibebaskan” dengan pembangunan moden. Proses ini bukan sahaja menukar kisah penderitaan rakyat menjadi naratif kemajuan nasional, tetapi juga menukar memori kolektif menjadi komoditi ekonomi (Ling, 2006). Di sinilah, konsep *lieux de mémoire* berfungsi sebagai alat analisis kritikal; Mahsuri bukan sekadar warisan, tetapi warisan yang diinstitusikan untuk tujuan politik dan pasaran.

Dalam konteks pelancongan, Mahsuri diposisikan sebagai aset ekonomi budaya. Muzium Mahsuri bukan hanya ruang peringatan, tetapi ruang pementasan *staged authenticity* (MacCannell, 1976). Kisah penderitaan Mahsuri ditampilkan semula dalam bentuk dramatik untuk memenuhi imaginasi pelancong. Visual Mahsuri, pakaian tradisional dan naratif sumpahan dipentaskan dengan gaya yang menekankan keaslian (*authenticity*), walhal kisahnya merupakan bentuk keaslian yang dipentaskan (*staged*) untuk tujuan pasaran (Kajian Lapangan, 2025). Dengan ini, Mahsuri menjadi sebahagian daripada sesuatu yang dipanggil Kirshenblatt-Gimblett (2004) sebagai *heritage as metacultural production*, iaitu proses menjadikan budaya sebagai warisan melalui intervensi institusi.

Komodifikasi Mahsuri sebagai warisan juga menyingkap ketegangan antara memori rakyat dengan naratif negara. Bagi komuniti Langkawi, Mahsuri menjadi ingatan kolektif tentang penderitaan akibat fitnah dan sumpahan (Kajian Lapangan, 2025). Namun, bagi negara, Mahsuri menjadi simbol kebangkitan daripada sumpahan menuju pembangunan. Ketegangan ini memperlihatkan bahawa negara kita merampas naratif rakyat untuk menstrukturkan legitimasi kebangsaan. Ingatan yang asalnya bersifat komuniti, kini dimonumenkan dalam bentuk “nasionalisme budaya”. Kisah Mahsuri menjadi bukti bahawa Malaysia moden berjaya menebus penderitaan silam.

Dimensi gender yang telah dibincangkan dalam subtopik sebelumnya turut berlanjutan di sini. Tubuh Mahsuri yang dahulu menjadi *locus* fitnah kini dijadikan *locus* warisan. Pameran muzium sering menekankan kecantikan, kesucian dan penderitaannya sebagai daya tarikan. Tubuh wanita sekali lagi dijadikan ikon visual, kali ini bukan sahaja untuk kawalan moral, tetapi juga untuk keuntungan ekonomi. Dengan demikian, Mahsuri berfungsi sebagai *lieu de mémoire*, iaitu tapak ingatan yang dikuasai oleh representasi tubuh wanita, tetapi dalam bentuk yang membungkam suara sejarah wanita itu sendiri.

Komodifikasi Mahsuri juga harus difahami dalam konteks politik global pelancongan. Seperti diperhatikan oleh Urry (2002), pelancongan berfungsi melalui



Rajah 10 Aktiviti jualan di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

pandangan yang menstrukturkan dunia mengikut keinginan pelancong. Mahsuri dipasarkan sebagai “wanita teraniaya yang suci”, imej yang sesuai dengan fantasi orientalis tentang Timur sebagai eksotik dan tragis. Hal ini menunjukkan bahawa *institusionalisasi* Mahsuri bukan sahaja berfungsi dalam rangka nasionalisme, tetapi juga dalam rangka global kapitalisme pelancongan. Legenda rakyat dimanipulasi bukan hanya untuk komuniti tempatan atau negara, tetapi untuk pasaran antarabangsa yang mencari “keaslian budaya”.

Lebih mendalam, Mahsuri sebagai tapak ingatan memperlihatkan pertembungan antara memori hidup dengan memori yang dimonumenkan. Halbwachs (2024) menekankan bahawa memori kolektif sentiasa bersifat sosial, hidup dalam pengalaman komuniti, dan bergerak bersama-sama naratif lisan. Namun, apabila dimonumenkan melalui institusi negara, memori disenyapkan, kisahnya diatur, ditafsir dan disampaikan mengikut logik kuasa. Inilah yang berlaku kepada Mahsuri; cerita yang asalnya fleksibel dengan pelbagai versi, kini disenyapkan dalam naratif

rasmi muzium. Keanekaragaman lisan digantikan dengan versi “standard” yang diluluskan oleh negara, lalu dipasarkan kepada pelancong. Proses ini memperlihatkan cara warisan rakyat dikawal, dibatasi dan disalurkan semula mengikut kehendak politik dan ekonomi pascakolonial.

Jika diteliti dengan lebih kritikal, Mahsuri bukan sekadar legenda rakyat tetapi infrastruktur warisan yang menyatukan politik identiti, ekonomi pelancongan dan kuasa negara. Mahsuri berfungsi sebagai “tapak simbolik” yang naratif penderitaan komunitinya diproses menjadi modal simbolik dan ekonomi. Seperti diujahkan oleh Harvey (2001) tentang *heritage industry*, sesuatu yang dianggap warisan sering kali tidak lebih daripada strategi kapitalis untuk menukar memori menjadi keuntungan. Mahsuri memenuhi ciri-ciri ini dengan jelas; daripada tubuh wanita kepada simbol sumpahan, dari makam desa ke destinasi pelancongan antarabangsa. Semuanya diatur untuk menghasilkan nilai ekonomi dan legitimasi politik.

Mahsuri dalam Wacana Pascakolonial: Daripada Legenda Tempatan ke Kajian Terkini

Membaca Mahsuri semata-mata sebagai legenda rakyat Kedah akan membatasi potensinya sebagai teks kritikal. Sebaliknya, apabila diletakkan dalam kerangka wacana pascakolonial, Mahsuri memperlihatkan sebuah naratif lokal yang berinteraksi dengan struktur kuasa kolonial, negara pascakolonial dan pasaran global. Mahsuri membuka ruang bagi penafsiran sejagat tentang sastera rakyat yang bukan sahaja memantulkan nilai budaya komuniti, tetapi turut menjadi medium politik, ekonomi dan ideologi dalam pelbagai skala (Ling, 2006; Ibrahim & Ahmad, 2011).

Pertama, Mahsuri sebagai legenda tempatan harus difahami dalam konteks kolonialisme pengetahuan. Catatan orientalis barat mengenai sastera rakyat dilihat menonjolkan cerita rakyat Melayu secara deskriptif, menekankan unsur eksotik dan romantis sebagai sebahagian daripada “keunikan tempatan”. Walaupun Mahsuri terlepas daripada perhatian mereka, Mahsuri mengubah fungsi sastera rakyat daripada naratif moral komuniti kepada naratif eksotik yang dijadikan bukti “keunikan Timur”. Proses ini sejajar dengan apa yang disebut oleh Said (1978) sebagai orientalisme, iaitu budaya Timur direpresentasikan mengikut imaginasi kolonial. Dengan ini, sastera rakyat menjadi sebahagian daripada wacana imperial yang menundukkan naratif rakyat ke dalam kerangka pengetahuan kolonial.

Kedua, Mahsuri berfungsi sebagai naratif negara selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Seperti dibincangkan sebelumnya, sejak 1980-an kisah Mahsuri dimobilisasikan untuk projek pelancongan Langkawi. Malah, menurut Mohd Firdaus Abdullah (2019), bagi merancakkan industri pelancongan



Rajah 11 Visual aktiviti ekonomi masyarakat Melayu Langkawi di Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

Langkawi, aspek fasiliti seperti bekalan air dan elektrik telah diperkasakan di seluruh pulau itu bagi tujuan yang dinyatakan. Namun, lebih kritikal ialah naratif itu menjadi simbol Malaysia moden yang mampu menebus sumpahan silam. Dengan cara ini, Mahsuri berfungsi sebagai teks pascakolonial yang membenarkan naratif kebangsaan; penderitaan silam dijadikan alasan bagi menegaskan kejayaan pembangunan moden. Chatterjee (1993) berhujah bahawa negara pascakolonial sering mengambil elemen budaya tradisional untuk membina identiti kebangsaan, tetapi dalam bentuk yang sudah diatur semula mengikut logik negara moden. Dalam kes Mahsuri, sumpahan tujuh keturunan tidak lagi dibaca sebagai hukuman kosmik, tetapi sebagai simbol yang “ditebus” oleh kejayaan pembangunan negara. Proses ini menyingkap bagaimana sastera rakyat boleh berfungsi sebagai teks politik negara yang membentuk legitimasi pascakolonial.

Ketiga, Mahsuri berinteraksi dengan pasaran global pelancongan. Naratifnya bukan sahaja ditafsir semula oleh negara, tetapi juga disesuaikan dengan kehendak pelancong antarabangsa yang mencari “keaslian budaya” (authentic culture). Di sinilah konsep *staged authenticity* (MacCannell, 1976) menjadi relevan; Mahsuri dipentaskan sebagai warisan, walhal Mahsuri ialah tafsiran semula yang disusun oleh institusi pelancongan. Lebih kritikal lagi, naratif tubuh Mahsuri sebagai wanita suci yang difitnah memenuhi fantasi orientalis global tentang wanita Timur yang dilihat eksotik, menderita dan pasif. Dengan kata lain, Mahsuri tidak hanya berfungsi dalam politik kebangsaan, tetapi juga dalam logik kapitalisme global yang menukar ingatan rakyat menjadi komoditi antarabangsa.

Keempat, Mahsuri membuka perdebatan tentang suara *subaltern* dan *gendered memory*. Spivak (1988) menegaskan bahawa wanita *subaltern* jarang-jarang sekali benar-benar bersuara kerana naratif tentang mereka sentiasa ditapis oleh struktur patriarki dan kuasa kolonial. Mahsuri menjadi contoh klasik; kisahnya diceritakan berulang kali, tetapi suaranya sendiri tidak pernah hadir. Apa yang tersisa hanyalah tubuhnya, iaitu darah putih, sumpahan, kecantikan yang ditafsirkan oleh orang lain. Inilah yang menjadikan Mahsuri relevan untuk wacana pascakolonial sejagat, iaitu Mahsuri memperlihatkan tubuh wanita digunakan sebagai tapak representasi moral, politik dan ekonomi, tetapi suara wanita itu sendiri hilang.

Selain itu, perbandingan dengan legenda wanita serantau memperlihatkan kedudukan Mahsuri dalam geografi budaya Asia Tenggara. Puteri Gunung Ledang di Johor, Cik Siti Wan Kembang di Kelantan, atau Roro Jonggrang di Jawa sama-sama berfungsi sebagai ikon identiti negeri, tetapi Mahsuri berbeza kerana disertakan dengan sumpahan yang membawa kesan kolektif terhadap seluruh pulau (Osman & Jalaluddin, 2018; Yaacob, 2021; Nurlaila, 2022). Sumpahan ini memberikan dimensi kosmologi yang jarang-jarang ditemukan dalam legenda lain, menjadikan Mahsuri lebih mudah diserap ke dalam naratif negara tentang penderitaan dan kebangkitan. Perbandingan ini membolehkan Mahsuri dibaca bukan hanya dalam kerangka *folkloristik* tempatan, tetapi sebagai sebahagian daripada wacana serantau tentang wanita yang dijadikan *locus* identiti dalam imaginasi kebangsaan.

Akhir sekali, Mahsuri perlu difahami sebagai teks global tentang warisan, memori dan kuasa. Seperti diujahkan oleh Chakrabarty (2000), pascakolonialisme menuntut agar naratif tempatan dibaca bukan sebagai pinggiran, tetapi sebagai sebahagian daripada sejarah sejagat. Dengan membaca Mahsuri sebagai sastera rakyat yang hidup, kita tidak hanya menegaskan kepentingannya dalam budaya Melayu, tetapi juga menunjukkan bahawa legenda rakyat boleh menjadi medan perdebatan sejagat tentang kolonialisme, gender dan kapitalisme global. Dalam hal ini, Mahsuri bukan sekadar cerita rakyat Kedah, tetapi teks kritikal yang boleh digunakan untuk menyoal hubungan antara memori tempatan dengan hegemoni global.



Rajah 12 Pemandangan luar dari Kota Mahsuri (Kajian Lapangan, 2025).

KESIMPULAN

Kisah Mahsuri yang berakar daripada tradisi lisan Langkawi sering dianggap sekadar cerita rakyat yang mengandungi unsur fitnah, kesucian dan sumpahan. Namun, analisis kritikal dalam kajian ini membuktikan bahawa Mahsuri bukan hanya sebuah legenda moral, tetapi sastera rakyat yang hidup dan terus diproduksi, ditafsir dan digunakan mengikut perubahan kuasa kolonial, pascakolonial dan global. Dapatan lapangan di Makam Mahsuri, pameran muzium, persembahan budaya dan penggunaan visual rasmi menunjukkan secara jelas bahawa naratif ini direkayasakan semula oleh institusi negara dan industri pelancongan untuk memenuhi kehendak identiti nasional serta ekonomi warisan.

Transformasi Mahsuri daripada sastera lisan kepada warisan negara memperlihatkan bahawa memori hidup komuniti digantikan dengan bentuk naratif yang dimonumenkan. Pemerhatian terhadap susun atur pameran, visual tubuh Mahsuri, penekanan terhadap darah putih dan sumpahan tujuh keturunan, serta penggunaan naratif penderitaan dalam brosur pelancongan membuktikan bahawa memori kolektif telah disusun semula mengikut logik kuasa. Proses institusionalisasi ini menegaskan bahawa warisan bukan sekadar ingatan, tetapi satu bentuk pengeluaran budaya yang dikawal oleh negara dan pasaran.

Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa ideologi gender yang beroperasi secara konsisten dalam legenda Mahsuri. Tubuh wanita menjadi medan representasi moral dan politik, sama ada dalam penceritaan lisan masyarakat Langkawi atau dalam pementasan moden di muzium. Pemerhatian terhadap mural, rumah, visual pemasaran pelancongan dan lain-lain lagi menunjukkan bahawa tubuh Mahsuri sentiasa dipusatkan sebagai simbol kesucian dan pengorbanan. Namun, suara Mahsuri tetap tidak hadir, selari dengan hujah teori *subaltern* yang menyatakan bahawa wanita sering diwakili tetapi jarang-jarang diberikan ruang untuk bersuara. Analisis ini mengesahkan bahawa sastera rakyat memiliki dimensi kuasa yang mengekalkan hierarki patriarki walaupun kisah tersebut dipersembahkan dalam bentuk moden dan komersial.

Dalam konteks pascakolonialisme, kajian ini membuktikan bahawa Mahsuri ialah contoh legenda tempatan yang berfungsi sebagai alat pembinaan negara. Sumpahan tujuh keturunan ditafsirkan semula sebagai naratif kebangkitan Langkawi di bawah pembangunan pascakolonial. Pementasan semula sejarah ini, seperti yang dapat dilihat dalam papan naratif dan dokumentasi visual di Kota Mahsuri, menunjukkan bahawa negara menggunakan *folklore* untuk menstrukturkan legitimasi kebangsaan dan memadamkan penderitaan silam dengan kejayaan moden. *Novelty* kajian ini terletak pada penegasan bahawa Mahsuri ialah sastera rakyat yang hidup yang menggabungkan memori rakyat, kuasa kolonial, nasionalisme budaya, feminisme dan kapitalisme global. Dengan menghubungkan analisis teori dengan dapatan empirikal daripada lapangan, kajian ini membuktikan bahawa legenda Mahsuri bukan hanya teks budaya tetapi sebuah medan kuasa yang sentiasa bergerak dan dinegosiasikan. Pendekatan ini menolak pembacaan deskriptif terhadap sastera rakyat Melayu dan membuka ruang kepada analisis kritikal yang setara dengan wacana antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan dicadangkan dalam tiga bentuk. Pertama, penyelidikan perbandingan dengan legenda wanita serantau seperti Puteri Gunung Ledang, Roro Jonggrang dan Cik Siti Wan Kembang untuk melihat bagaimana tubuh wanita digunakan sebagai *locus* identiti negeri dalam konteks Asia Tenggara. Kedua, kajian etnografi mendalam bersama-sama komuniti Langkawi bagi menilai semula dan memahami Mahsuri berbanding dengan naratif negara. Ketiga, analisis visual dan digital yang lebih sistematik terhadap penggunaan imej Mahsuri dalam pemasaran, media sosial dan industri kreatif bagi menilai perihai komodifikasi warisan Melayu yang beroperasi dalam ekosistem digital kini. Kesimpulannya, Mahsuri bukan hanya legenda Kedah tetapi satu teks budaya yang mencerminkan hubungan kompleks antara memori, kuasa dan identiti dalam Malaysia moden. Kajian ini menegaskan bahawa sastera rakyat Melayu boleh dibaca sebagai wacana kuasa dan bukan sekadar tinggalan tradisi, serta membuka ruang baharu untuk penyelidikan lebih kritikal dalam bidang *folklore*, gender, warisan dan pascakolonialisme.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada sidang editorial Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* dan panel penilai atas saranan serta cadangan yang berguna dalam membantu memperkukuh mutu makalah ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang membantu dalam menjayakan penyelidikan ini, terutamanya keluarga, rakan-rakan sekerja dan juga semua rakyat Kedah.

PENDANAAN

Kajian ini dijalankan menggunakan perbelanjaan sendiri oleh penulis dan tidak menerima sebarang penajaan atau pembiayaan daripada mana-mana pihak.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Semua data yang dianalisis terkandung dalam artikel ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Penulis tiada sebarang konflik kepentingan berhubung dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini. Semua pandangan dan hasil yang dikemukakan berdasarkan pertimbangan akademik semata-mata.

PERNYATAAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN GENERATIF

Penulis menggunakan kecerdasan buatan generatif (ChatGPT) secara terhad untuk membantu penyuntingan struktur ayat dan penambahbaikan bahasa. Keseluruhan kandungan, analisis, tafsiran dan dapatan kajian adalah hasil kerja asli penulis.

RUJUKAN

- Ahmad, S. (1957). Kedah-Siam relations 1821-1905. *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 30(pt 3), 9-10.
- Ali, H. M., & Rahman, M. L. A. (2014). *Sastera dalam budaya dan media*. Penerbit USM.
- Aaltola, E. (2019). Confronting suffering with narrative theory, constructed selfhood, and control: Critical perspectives by Simone Weil and Buddhist metaphysics. *Journal of Disability & Religion*, 23(3), 227-250.
- Bascom, W. R. (1954). Four functions of folklore. *The Journal of American Folklore*, 67(266), 333-349.
- Bauman, R., & Briggs, C. L. (1990). Poetics and performance as critical perspectives on language and social life. *Annual Review of Anthropology*, 59-88.
- Burton, A. M. (2003). *Dwelling in the archive: Women writing house, home, and history in late colonial India*. Oxford University Press.

- Butler, J., & Trouble, G. (1990). Feminism and the subversion of identity. *Gender Trouble*, 3(1), 3-17.
- Chakrabarty, D. (2000). Subaltern studies and postcolonial historiography. *Nepantla: Views from South*, 1(1), 9-32.
- Chakravorty Spivak, G. (1988). Can the subaltern speak? *Marxism and the Interpretation of Culture*, 271-313.
- Chatterjee, P. (1993). *The nation and its fragments: Colonial and postcolonial histories* (Vol. 4). Princeton University Press.
- Dato' Kerani Mohd. Arshad, M. H. (1968). *Al-tarikh salasilah Negeri Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geertz, C. (1973). *The interpretation of cultures: Selected essays*. New York: Basic Books.
- Guha, R., & Spivak, G. C. (Eds.). (1988). *Selected subaltern studies*. Oxford University Press.
- Halbwachs, M. (2024). *On collective memory*. University of Chicago press.
- Hamdan, R., & Radzi, S. B. M. (2014). The meaning of female passivity in traditional Malay literature. *Asian Social Science*, 10(17), 222.
- Harrison, R. (2010). The politics of heritage. *Understanding the Politics of Heritage*, 5, 154-196.
- Harvey, D. C. (2001). Heritage pasts and heritage presents: Temporality, meaning and the scope of heritage studies. *International Journal of Heritage Studies*, 7(4), 319-338.
- Harun M. P. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun M. P., Ismail H., Siti Hawa S., Abu Hassan S., Abdul Rahman K., & Jamilah, H. A. (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional* (Vol. 2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2011). *Pelancongan Langkawi 1987-2010: Pencapaian dan cabaran masa depan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irwana Omar, S., Ghapar Othman, A., & Mohamed, B. (2014). The tourism life cycle: An overview of Langkawi Island, Malaysia. *International Journal of Culture, Tourism and Hospitality Research*, 8(3), 272-289.
- Jayawardena, K. (2016). *Feminism and nationalism in the third world*. Verso Books.
- Kajian Lapangan di Makam Mahsuri. (2025).
- Kirshenblatt-Gimblett, B. (2004). Intangible heritage as metacultural production 1. *Museum International*, 56(1-2), 52-65.
- Ling, O. G. (2006). Mahsuri's curse-globalisation and tourist development in Pulau Langkawi. *GeoJournal*, 66(3), 199-209.
- Mohd Firdaus Abdullah. (2019). *Perkembangan bekalan air domestik di negeri Kedah, 1957-1992*. Tesis Ph.D. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- MacCannell, D. (2013). *The tourist: A new theory of the leisure class*. University of California Press.
- Mahsuri (1959). (Filem). Cathay-Keris Film.
- Md Isa, M. I. (2022). *Jikey: Teater warisan Langkawi*. UUM Press.

- Muhammad, H. S. (2000). *Puitika sastra Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nora, P. (1989). Between memory and history (Les lieux de mémoire). *Representations*, 26, 7-24.
- Neubauer, J. & Geyer-Ryan, H. (2021). *Gendered Memories* (Vol. 28). Brill.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah, Siti Nur Izra Safra' Abd Halim & Fatimah Muhd Shukri. (2024). Menyelusuri filem Melayu dengan subjek sastra Melayu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 51(2), 141-155.
- Nurlaila, N. (2022). Roro Jonggrang: Animation of folklore for national cultural education media. *Rekam*, 18(1), 37-50.
- Osman, S. A. (2018). Agency, adaptation, and audience: Re-visioning the legend of Mahsuri in selected contemporary Malaysian young adult fiction. *SARE: Southeast Asian Review of English*, 55(2), 7-25.
- Osman, M. & Jalaluddin, N. H. (2018). Metafora kritikan dalam mitos peminangan Puteri Gunung Ledang: Analisis pragmatik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(1), 19-46.
- Rahman, M. L. A. (2015). Cerita lisan sebagai sumber pelancongan: Suatu perbandingan di Malaysia dan Singapura. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(3): 2015, 19-27.
- Razak, N. A., & Ibrahim, J. A. (2017). From names of places to Mahsuri's curse: Exploring the roles of myths and legends in tourism. *International Journal of Business, Economics and Law*, 14(2), 10-17.
- Said, E. W. (1978). (2003). *Orientalism*. London: Penguin.
- Samsudin, M., & Mohamad, S. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam industri pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 99-109.
- Skeat, W. W. (2020). *Malay Magic*. BoD—Books on Demand.
- Sims, M., & Stephens, M. (2011). *Living folklore: An introduction to the study of people and their traditions*. University Press of Colorado.
- Siti Hawa Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Terbitan bersama Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hawa Salleh. (2010). *Malay literature of the 19th century*. ITBM.
- Urry, J. (2002). *The tourist gaze*. Sage.
- Wilkinson, R. J. (1932). Some Malay studies. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 10(1 (113), 67-137.
- Winstedt, R. O. (1940). A history of Malay literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17(3 (135), i-243.
- Winstedt, R. (1958). A history of classical Malay literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 31(3 (183), 3-259.
- Yaacob, M. F. C. (2021). Nilai-nilai murni dalam cerita Cik Siti Wan Kembang. *Mahawangsa Pertanika Journal*, 8(1), 1-14.
- Zakaria, A. (2020). Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, legenda Kedah dan motif darah putih. *Jurnal IPDA*, 26(1), 203-211.